

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)46

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

46. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan pengeluaran beras tempatan Cap Feri yang akan dibuat pada tahun ini.
- (a) Berapakah jumlah pengeluarannya dan sejauh manakah ianya dapat membantu menjamin bekalan beras tempatan di Pulau Pinang?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

46. Hasil beras tempatan di Negeri Pulau Pinang tidak mencukupi untuk pengeluaran Beras Cap Feri. Justeru, Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Beras Cap Feri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi telah memutuskan supaya pengeluaran Beras Cap Feri turut menggunakan beras import bagi menampung kekurangan beras tempatan.

Beras Cap Feri akan dipasarkan melalui program Jualan AgroMADANI yang diuruskan oleh pihak Lembaga Pemasaran

Pertanian Persekutuan (FAMA) serta program Jualan Rahmah di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).